

SULIT



**Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2021/2022**

Julai/Ogos 2022

HSL333 – Isu-Isu Terpilih dalam Sejarah Asia

Masa : 24 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** (3) muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Kertas soalan ini mengandungi LAPAN (8) soalan. Jawab **EMPAT (4)** soalan sahaja: **WAJIB** jawab SATU (1) soalan daripada setiap bahagian iaitu Bahagian A, B, C dan D.

- 2 -

Bahagian A

1. "Konflik China-Inggeris membawa kepada tercetusnya Perang Candu 1 (1839M-1842M) yang dikatakan berasal daripada perbezaan budaya antara tamadun China dan Barat."

Merujuk fakta-fakta yang sesuai, **telitikan** perbahasan sarjana tentang isu-isu yang mencetuskan Perang Candu 1 sekitar pertengahan kurun ke-19.

[100 markah]

2. "Tentangan kepada pencerobohan Jepun oleh kerajaan Nasionalis China dalam Perang China-Jepun Kedua (1937M-1945M) telah meninggikan taraf dan imej Chiang Kai-shek sebagai pemimpin kebangsaan China yang unggul dan menjadikan China dilayan sebagai salah satu kuasa besar dunia pada masa perang."

Merujuk pernyataan di atas, **analisiskan** berdasarkan fakta-fakta yang sesuai, situasi dan perkembangan tempoh tersebut yang telah meningkatkan taraf dan imej Chiang Kai-shek sekali gus menjadikan China sebagai salah satu kuasa besar dunia.

[100 markah]

Bahagian B

3. Dalam peristiwa kebangkitan awal di China moden, **tentukan faktor-faktor luaran dan dalaman** yang telah menyumbang kepada Kebangkitan Taiping (1850M-1864M) pada akhir Wangsa Qing.

[100 markah]

4. Berdasarkan fakta dan contoh yang sesuai, **terangkan** kesan-kesan Gerakan 4 Mei 1919 terhadap ideologi, falsafah dan politik di China dalam tempoh gerakan tersebut.

[100 markah]

...3/-

SULIT

- 3 -

5. "Perang China-Jepun Kedua (1937M-1945M) telah memberi nafas baharu kepada Parti Komunis China (PKC) yang akhirnya membawa kepada kejayaannya menewaskan kerajaan Nasionalis China dalam Perang Saudara China (1945M-1949M)."

Pertahankan ketepatan pernyataan di atas.

[100 markah]

Bahagian C

6. **Bangunkan** secara kritis persamaan dan perbezaan pendekatan dan sistem antara golongan pembaharu politik dengan golongan revolusioner di China menjelang Revolusi 1911.

[100 markah]

Bahagian D

7. "Dr. Sun Yat-sen masih memainkan peranan penting dalam Revolusi 1911 yang bermula di Wuchang, China walaupun beliau berada di Amerika Syarikat pada waktu tersebut."

Merujuk pernyataan di atas, **paparkan** peranan Dr. Sun daripada sudut kepimpinan dan hubungan dengan Orang Cina Seberang Laut dalam revolusi tersebut.

[100 markah]

8. "China semasa Dekad Nanjing (1927/28M-1937M) telah mencapai kejayaan dalam penyatupaduan dan pembangunan negara atas kepimpinan dan pentadbiran Chiang Kai-shek."

Pertahankan kesahihan pernyataan di atas.

[100 markah]

- oooOooo -